

# Kementerian akan siapkan laporan kemiskinan: Sanusi

PULAU PINANG, Isnin — Kementerian Pembangunan Negara dan Luarbandar akan menyiapkan satu laporan mengenai kemiskinan di negara ini supaya langkah-langkah sewajarnya dapat diambil untuk memben-terasnya, kata menteri berkenaan Encik Sanusi Junid semalam.

Encik Sanusi menamb-ah, kementerian berke-naan melalui Kemas dan dengan bantuan ahli-ahli

parlimen dan wakil-wakil rakyat akan berkerjasama rapat dengan beberapa kementerian untuk meneliti ke-jadian-kejadian kemiskinan.

Menteri itu yang membuat lawatan mengejut ke sebuah kampung di Teluk Bahang berikutan satu laporan dalam sebuah akhbar Inggeris tem-patan Sabtu lalu yang mengatakan sepasang suami isteri tua sedang kebuluran.

Bellau memberitahu Bernama, akhbar berke-

naan telah memberikan gambaran berat sebelah terhadap keadaan kemiskinan pasangan suami isteri itu, Mak Jariah binti Awang dan suaminya Puteh Mat Sall.

"Laporan itu yang bertujuan untuk menim-bulkan sensasi telah m e n i m b u l k a n kemarahan penduduk kampung itu yang telah membantu pasangan suami isteri itu selama ini," katanya.

Encik Sanusi menamb-ah gambar foto rumah itu hanya menunjukkan bahagian asal rumah itu dan tidak pemebaran yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Ke-bajikan Pusat Timur Laut dalam tahun 1976.

Mereka sebenarnya boleh dikatakan hidup selesa dan mendapat bantuan kebajikan \$60 sebulan dan bukanlah kebuluran seperti yang dilaporkan itu.

Anak perempuan tung-gal pasangan suami isteri itu, Puan Malliah binti Puteh, 43, yang tinggal tidak jauh dari kampung itu berkata, ibubapanya tidak kebulur.

Encik Sanusi berkata, kebanyakan orang tua t i d a k m a h u menyusahkan anak mas-ing-masing dan mereka lebih suka hidup bebas dan tidak mahu mem-bebankan anak-anak. — Bernama